

Elemen Bahan Bantu Mengajar dan Persekitaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Daerah Marang Terengganu

Elements of Teaching Aids and Environment in Teaching and Learning Arabic in Religious Secondary Schools in Marang Terengganu District

Husna Huda Md Nong
Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Received: 10 May 2023 **Revised:** 10 Sept 2023 **Accepted:** 10 Oct 2023 **Published:** 31 Dec 2023

To Cite this Article (APA) : Md Nong, H. H. (2023). Elements of Teaching Aids and Environment in Teaching and Learning Arabic in Religious Secondary Schools in Marang Terengganu District. *SIBAWAYH Arabic Language and Education*, 4(2), 77–88. <https://doi.org/10.37134/sibawayh.vol4.2.7.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/sibawayh.vol4.2.7.2023>

Abstrak: Bahan bantu mengajar memainkan peranan yang penting bagi memastikan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran. Aspek persekitaran yang positif jugak memberi impak kepada pelajar dari pelbagai sudut termasuklah prestasi dan minat mereka terhadap sesuatu subjek. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka bahan bantu mengajar dan persekitaran dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di daerah marang, Terengganu. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan temu buat sebagai instrument utama dalam proses pengumpulan data. Seramai 10 orang guru bahasa Arab telah dipilih dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan untuk menyertai kajian ini. Kesemua peserta kajian perlu memenuhi ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh pengkaji agar dapat memberi maklumat yang tepat dan mendalam berkaitan kajian ini. Hasil dapatan menunjukkan bahawa bahan bantu mengajar utama yang perlu digunakan oleh guru bahasa Arab semasa proses pengajaran dan pembelajaran ialah buku teks, teknologi multimedia dan permainan. Selain itu, hasil penerokaan juga menunjukkan persekitaran yang kondusif amat penting bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dapat dilaksanakan dengan lancar. Infrastruktur dan komitmen barisan pentadbiran sekolah juga memainkan peranan yang penting dalam usaha menghidupkan persekitaran pendidikan yang positif.

Kata kunci: Bahan bantu mengajar, persekitaran pembelajaran, bahasa Arab, pengajaran dan pembelajaran, kualitatif.

Abstract: Teaching aids play an important role in ensuring the smoothness of the teaching and learning process. The positive aspects of the environment also have an impact on students from various angles including their performance and interest in a subject. Therefore, this study aims to explore teaching aids and the environment in the teaching and learning of Arabic at a Religious High School in Marang district, Terengganu. This study is a qualitative study that uses interviews as the main instrument in the data collection process. A total of 10 Arabic language teachers were selected using sampling techniques to participate in this study. All study participants need to meet the characteristics that have been set by the researcher in order

to be able to provide accurate and in-depth information related to this study. The findings show that the main teaching aids that Arabic teachers need to use during the teaching and learning process are textbooks, multimedia technology and games. In addition, the results of the exploration also show that a conducive environment is very important to ensure that the process of teaching and learning Arabic can be carried out smoothly. The infrastructure and commitment of the school administration also play an important role in the effort to revive a positive educational environment.

Keywords: *Teaching aids, learning support, Arabic language, teaching and learning, qualitative.*

PENGENALAN

Pembelajaran bahasa Arab pada peringkat sekolah rendah secara rasminya diperkenalkan pada tahun 2005 dalam sistem Pendidikan negara di Malaysia melalui program Jawi, al-Quran, bahasa Arab dan Fardhu Ain (j-QAF) yang dilakukan secara berperingkat (Nazilah et al., 2017). Hal ini secara tidak langsung menjadikan bahasa Arab sebagai mata pelajaran bahasa asing yang wajib di pelajari di peringkat sekolah rendah. Namun demikian, kedatangan bahasa Arab yang terkemudian dan masih lagi baharu dalam sistem pendidikan berbanding bahasa Inggeris menyebabkan berlaku faktor kekangan dari segi kemudahan untuk mendapatkan dan menguasai sumber bahan bantu mengajar, penciptaan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran serta strategi dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Hal ini juga didorong dengan sifat bahasa Arab antara bahasa yang agak sukar untuk dipelajari disebabkan perbezaan yang ketara dengan bahasa yang digunakan di Malaysia iaitu bahasa Melayu. Oleh itu, untuk menguasai bahasa Arab ini pendekatan kreatif diperlukan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah supaya mereka cepat untuk menguasai serta dapat menanam minat pelajar untuk mempelajari bahasa tersebut.

Di sekolah Menengah Agama (SMA) di Malaysia, bahasa Arab merupakan mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh pelajar. Namun, kedudukannya adalah berlainan berbanding bahasa Inggeris yang diiktiraf sebagai bahasa kedua (Ismail et.al., 2018). Hal ini menyebabkan pengalaman bahasa Arab adalah terhad dan terbatas dalam sistem pendidikan formal sahaja ditambah dengan guru yang jarang untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab serta pelajar-pelajar yang bersifat pasif. Natiujahnya, pelajar-pelajar aliran agama kini tidak mampu untuk menulis atau membaca di dalam bahasa Arab dengan cemerlang apatah jika bertutur dalam bahasa Arab secara lancar (Rosni et al., 2023). Oleh itu, tahap penguasaan pelajar sentiasa menjadi ukuran terhadap keberhasilan proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan (Azlin & Suhaimi, 2020). Hal ini kerana, pengajaran dan pembelajaran yang efektif dapat membantu pelajar untuk meningkatkan prestasi serta dapat membentuk sikap positif dalam pembelajaran bahasa Arab. Justeru itu, para guru perlu memainkan peranan yang penting dalam memastikan tahap penguasaan pelajar supaya berada pada tahap optimum.

Bahan Bantu Mengajar (BBM) ditakrifkan sebagai instrumen pedagogi penting dalam mencapai objektif pendidikan. Peranannya amat kritikal dalam memudahkan pencapaian objektif pembelajaran ini. Nur Syafiqah dan Nurul Nazirah (2018) mendefinisikan BBM sebagai segala peralatan yang digunakan oleh pendidik untuk menyokong penyampaian bahan pendidikan. Ini termasuklah segala yang boleh dilihat, didengar, disentuh, dibaca, diberitahu, dihidu, digunakan, dan sebagainya, mengesahkan konsep bahawa BBM merangkumi segala sumber dan alatan yang diterapkan oleh guru dan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Dalam konteks sistem pendidikan yang semakin maju, kewujudan tenaga pengajar yang mempunyai kepakaran tinggi, serta kebolehan berinovasi dan kreatif, menjadi amat penting. BBM merupakan kunci untuk memenuhi jangkaan dasar pendidikan negara, seperti yang diarahkan oleh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Tambahan pula, era pembelajaran abad ke-21 menekankan keperluan untuk mencipta BBM yang bukan sahaja menyokong keupayaan pembelajaran dan inovasi, tetapi juga kecekapan dalam literasi maklumat, media, teknologi, serta kemahiran hidup dan kerja. Ini mewakili anjakan penting ke arah pendekatan yang lebih holistik dalam pembangunan sumber pembelajaran, menyepadukan aspek teknologi, kreativiti dan kesediaan kerjaya dalam rangka kerja pendidikan kontemporari.

Persekitaran pembelajaran bahasa merupakan faktor penentu yang memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan pelajar dalam menguasai bahasa sasaran (Kamarulzaman et al., 2018). Berdasarkan Model Pengajaran dan Pembelajaran yang dibangunkan oleh Dunkin dan Biddle (1974), persekitaran pembelajaran secara signifikan mempengaruhi sikap pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran, yang akhirnya mempengaruhi pencapaian mereka. Ini menunjukkan bahawa persekitaran pembelajaran bahasa secara langsung mempengaruhi proses pemerolehan bahasa sasaran, seperti yang ditunjukkan oleh Tamam Hasan (1984). Persekitaran ini merangkumi interaksi antara pelajar dan guru, kandungan pengajaran, dan suasana pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah (Aldridge et al., 1999). Elemen-elemen yang disepadukan dalam persekitaran pembelajaran bahasa ini berfungsi untuk merangsang penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran. Persekitaran yang dicipta juga membolehkan pelajar merasai pengalaman yang hampir dengan persekitaran bahasa sebenar. Oleh itu, kepentingan membina persekitaran pembelajaran yang tulen dan menyokong adalah kunci untuk memudahkan pemerolehan bahasa sasaran dengan berkesan dan efektif. Pendekatan kritikal terhadap reka bentuk dan pelaksanaan persekitaran pembelajaran bahasa ini menekankan keperluan untuk memahami dinamik interaksi pendidikan dan psikologi yang menyumbang kepada pengalaman pembelajaran yang tidak dapat dilupakan untuk pelajar.

Permasalahan Kajian

Pelbagai isu yang telah wujud dihadapi oleh para guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran bahasa Arab terutama di Sekolah Menengah Agama. Isu permasalahan dalam penyampaian pengajaran bahasa Arab bukan suatu perkara yang baharu. Malah, isu ini sering kali diperdebatkan dalam kalangan masyarakat terutamanya warga pendidik dan pengkaji setelah sekian lama. Mata pelajaran bahasa Arab memerlukan pelbagai kaedah dan teknik untuk menyampaikan pengajaran. Namun, keberkesanan dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada pengetahuan dan kefahaman guru. Hal ini kerana, guru merupakan faktor penting dalam menjamin keberkesanan penyampaian pengajaran dan pembelajaran khususnya untuk melahirkan pelajar yang berketerampilan dan berkemahiran dalam bahasa (Zaini et al., 2019).

Antara masalah yang dihadapi oleh guru-guru bahasa Arab ialah masalah penghasilan bahan bantu mengajar yang sesuai dan efektif. Guru memerlukan pengorbanan yang tinggi untuk menyediakan bahan bantu mengajar bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berkesan. Bahan bantu mengajar merupakan salah satu perkara penting yang perlu disediakan oleh guru dalam pengajaran. Namun demikian, masih terdapat segelintir guru kurang menguasai dan menggunakan bahan bantu mengajar dalam bilik darjah (Hashim et al., 2018). Pengajaran akan menjadi lebih baik dan menarik dengan persediaan awal oleh guru dari segi perancangan kaedah penyampaian pengajaran dan pembelajaran dalam penggunaan bahan bantu mengajar yang cukup. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu pemahaman pelajar dalam kelas. Oleh yang demikian, bagi menarik minat dan menambah pengetahuan dan

penguasaan pelajar, bahan bantu belajar perlu digunakan oleh para guru serta bahan bacaan luar hendaklah dipelbagaikan.

Namun, kebanyakan guru selalu menggunakan bahan bantu mengajar di sekolah ialah papan putih atau hitam sahaja untuk menjelaskan dan menghuraikan subjek bahasa Arab. Malah, penggunaan makmal yang mempunyai pelbagai kemudahan untuk meningkatkan penguasaan bahasa juga kurang digunakan. Tambahan pula, penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab seperti pembelajaran yang berbantuan, komputer, web, serta e-pembelajaran dalam bilik darjah masih kurang dimanfaatkan di sekolah mahupun di universiti (Mohammad Taufiq & Wan Ab Aziz, 2018). Walaupun saranan kerajaan menyeru setiap guru untuk memperkasakan penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat dalam pengajaran, namun masih terdapat guru bahasa Arab yang tidak berani ataupun kurang berinovasi untuk menggunakan teknologi komunikasi dan maklumat dalam bilik darjah. Hal ini disebabkan kurangnya pengetahuan dan kemahiran menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi dalam kalangan guru bahasa Arab di bilik darjah.

Guru-guru bahasa sebenarnya masih kurang pengetahuan untuk memahami pendekatan pengajaran komunikasi dan kemahiran-kemahiran lain (Zaini et al., 2019). Guru sewajarnya bersedia dan melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan terutama ilmu bahasa Arab serta kemahiran yang lengkap sebelum menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pendidik. Jika tahap kesediaan mengajar seseorang guru itu cukup yang dilengkapi dengan pelbagai kemahiran dalam teknik pengajaran ini dapat membantu guru untuk membina keyakinan diri ketika melaksanakan pengajaran dalam bilik darjah. Walau bagaimanapun, sekiranya persediaan seorang guru itu terhad, ini boleh menimbulkan masalah yang mengakibatkan objektif pengajaran dan pembelajaran sukar untuk dicapai.

Selain itu juga, persekitaran memberi impak dan kesan dalam permasalahan pengajaran bahasa Arab (Zaini et al., 2019). Malahan, telah dilaporkan kemerosotan mata pelajaran bahasa Arab berpunca dari aspek persekitaran itu sendiri. Hal ini kerana majoriti pelajar beranggapan bahawa bahasa Arab itu merupakan bahasa asing dan penggunaannya dalam masyarakat tidak meluas. Ini boleh menyebabkan pelajar ketika mempelajari bahasa Arab tidak berkemampuan dan berkemungkinan tidak berkebolehan dalam menutur bahasa Arab. Hal ini juga berpunca dari kurangnya penggunaan bahasa Arab dalam masyarakat.

Dalam kajian Muna, (2016), mendapati permasalahan yang berlaku dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Arab mempunyai ketidaklancaran dalam menguasai kosa kata, kurang berinteraksi menggunakan bahasa Arab dan prestasi merundum dalam komunikasi bahasa Arab yang berpunca kurangnya dorongan persekitaran mereka. Dalam beberapa persekitaran bahasa Arab, kemungkinan bahasa Arab tidak digunakan lebih menyeluruh dalam masyarakat. Jadi, perkara ini boleh menyebabkan pelajar kurangnya peluang untuk berinteraksi dengan penutur asli bahasa Arab dan mengamalkan kemahiran berkomunikasi mereka.

Selain itu, guru juga didapati tidak mempraktikkan dan menggunakan bahasa Arab ketika menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Tambahan pula, timbul cabaran guru tidak boleh menggunakan bahasa Arab secara total di dalam kelas. Para guru akan menyelit antara bahasa Arab dan bahasa Melayu. Memandangkan bahasa Melayu adalah bahasa ibunda, jadi mereka tidak dapat menahan diri daripada menggunakan bahasa yang lain selain daripada bahasa Arab dalam pengajaran (Norfaezah, 2019). Malahan, ada di antara guru yang beranggapan para pelajar tidak berkemampuan dan tidak berkemahiran untuk memahami sesebuah teks bahasa Arab.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneroka elemen bahan bantu mengajar yang terbaik untuk digunakan oleh para guru bahasa Arab semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Selain itu kajian ini juga meneroka faktor persekitaran pembelajaran yang menyokong

keberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di SMA di daerah Marang, Terengganu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan menggunakan protocol temu bual sebagai instrument utama dalam proses pengumpulan data. Temu bual separa berstruktur dengan kaedah kumpulan berfokus telah dilaksanakan ke atas 10 orang peserta kajian. Peserta kajian ini dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Setiap peserta kajian perlu memenuhi ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh pengkaji agar mereka dapat memberikan maklumat yang tepat dan mendalam kepada pengkaji. Ciri-ciri peserta kajian adalah seperti berikut:

1. Guru bahasa Arab sekurang-kurangnya memiliki Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab atau setara.
2. Guru bahasa Arab yang memiliki pengalaman mengajar subjek bahasa Arab sekurang-kurangnya lima tahun.
3. Guru bahasa Arab mampu untuk memberi komitmen sepanjang tempoh kajian dijalankan.
4. Guru bahasa Arab tidak mempunyai apa-apa kepentingan pada mana-mana pemegang taruh yang berkaitan dengan kajian.

DAPATAN KAJIAN

A. Bahan Bantu Mengajar

Melalui temubual yang dijalankan bersama 10 orang guru bahasa Arab berkaitan penerokaan bahan bantu mengajar menarik yang digunakan di Sekolah Menengah Agama di daerah Marang Terengganu. Tema pertama ialah bahan bantu mengajar dan tema kedua ialah faktor pemilihan bahan bantu mengajar. Tema pertama ialah bahan bantu mengajar. Di bawah tema ini terdapat tiga subtema iaitu, buku teks, penggunaan teknologi dan permainan. Menerusi temu bual yang telah dijalankan, buku teks menyediakan asas yang terbaik untuk pengajaran. Selain itu, buku teks merupakan rujukan utama pelajar kerana ia telah mencakupi semua standard pembelajaran yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini dinyatakan oleh responden ke-4 yang menyatakan:

“Bahan utama yang ustazah pilih adalah buku teks bahasa Arab la. Buku teks ni bagi ustazah dan cukup lengkap nak ajar topik yang kite nak ajar. Buku teks ni dah sedia asas yang kukuh dalam pembelajaran. Contohnya, tatabahasa, perbendaharaan kata. Cukup untuk merangkumi pelbagai tahap kemahiran pelajar ni.” (1:4).

Seterusnya, menerusi temubual yang telah dijalankan, penggunaan teknologi melalui multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab juga dapat meningkatkan kemahiran pelajar. penggunaan teknologi dapat menjadikan pengajaran dan pembelajaran dapat membawa pelbagai faedah, termasuk membuat proses pembelajaran menjadi lebih seronok dan berikan peluang kepada pelajar untuk belajar secara bersifat mandiri. Tambahan, melalui penggunaan teknologi juga dapat membantu pelajar meningkatkan keyakinan diri untuk mempraktis bahasa Arab.

“Sekarang banyak pakai teknologi jadi biasa ustazah menggunakan multimedia. Contoh bahan yang selalu ustazah guna adalah dengan menyediakan latihan-latihan interaktif, permainan atas talian dan video pembelajaran. Dengan menggunakan multimedia ni, pelajar dapat meningkatkan kemahiran membaca, mendengar dan menulis. Penggunaan aplikasi ni juga senang untuk ustazah beri latihan-latihan yang sifat berulang. Aplikasi ni juga buat proses pembelajaran menjadi lebih menarik.” (1:2).

Selain itu, melalui temubual yang telah dijalankan, aktiviti permainan merupakan sumber yang menarik digunakan dalam kelas kerana dapat mewujudkan unsur seronok dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Perkara ini dinyatakan oleh responden pertama iaitu:

“bahan bantu mengajar yang biasa ustazah guna adalah permainan permainan Pendidikan interaktif. Ini dapat meningkatkan daya ingatan dan keterlibatan pelajar dalam kelas. Contohnya, ustazah bermain bingo ke radio rosak ke sebab ustazah pilih bahan ini kerana emm ada unsur seronok dalam kalangan pelajar dan ada persaingan antara pelajar ketika waktu belajar. Pelajar ni jadi saling bekerjasama dan berkomunikasi antara mereka.” (1:1).

Tambahan pula, melalui permainan seperti permainan kad imbas, permainan silang kata dapat menciptakan pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif. Melalui permainan pendidikan juga dapat menjadikan proses pembelajaran bahasa Arab itu lebih bermakna dalam kalangan pelajar.

B. Persekitaran Pembelajaran

Melalui sesi temubual yang dijalankan bersama para guru bahasa Arab berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi persekitaran dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di daerah Marang, terdapat satu deapat yang diperoleh iaitu persekitaran pembelajaran yang positif. Di bawah tema ini terdapat tiga subtema iaitu, pengajaran guru, infrastruktur dan kepimpinan sekolah. Hasil kajian didapati bahawa guru memainkan peranan penting untuk memahami keperluan pelajar dan merancang pendekatan pengajaran yang bersesuaian untuk mencipta persekitaran pembelajaran yang kondusif. Hal ini telah dinyatakan oleh responden pertama iaitu:

“Mestilah keperluan pelajar kan. Sekolah ni sekolah agama jadi ada subjek bahasa Arab. Jadi, tahap pemahaman pelajar ni berbeza dan setiap pelajar ni memerlukan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berbeza. Maksud saya disini, setengah pelajar mungkin perlu bantuan tambahan dari segi kosa kata atau asas tatabahasa, yang lain pula mungkin memerlukan lebih banyak latihan dalam kemahiran membaca, menulis.” (1:1).

Seterusnya, para guru seharusnya merancang pengajaran berdasarkan kurikulum yang telah dilatakan. Proses pengajaran yang menarik dan seronok dapat menghasilkan suasana pembelajaran yang dapat memberi motivasi kepada pelajar untuk terus aktif dan turut serta dalam setiap aktiviti yang dijalankan. Selain itu, penggabungan pedagogi tradisional dan terkini juga dapat memberi suasana yang positif kepada pelajar. Tidak semua pendekatan tradisional itu tidak memberi impak kepada pelajar, akan tetapi ia harus diintegrasikan dengan pendekatan terkini yang memenuhi kehendak dan keperluan generasi alfa.

Seterusnya, infrastruktur yang menyokong proses pengajaran dan pembelajaran jugak mampu untuk memberikan suasana pembelajaran yang kondusif kepada para pelajar. Menyediakan pelbagai sumber pengajaran dan pembelajaran, sama ada tradisional mahupun digital, dapat memberi peluang kepada guru untuk menghasilkan suasana pengajaran yang menarik dan seronok. Hal ini dinyatakan oleh responden ke-7:

“Sumber pembelajaran ni juga merupakan faktor utama dalam persekitaran bahasa Arab sekolah ni. Sekolah ini dilengkapi dengan pelbagai sumber pembelajaran untuk bahasa Arab. Bahan-bahan yang relevan dan sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Sekolah ini dilengkapi dengan buku teks dan buku aktiviti yang terkini sebagai bahan bantu mengajar cikgu di sekolah ni. Panitia bahasa Arab sekolah ni juga ada la sedia video pengajaran atau aplikasi bahasa untuk guru bahasa Arab ni supaya dapat menjadikan pengajaran yang interaktif.” (1:3).

Seterusnya, subtema ketiga ialah kepemimpinan sekolah. Bagi memastikan perubahan berlaku secara mampan, pihak sekolah harus memastikan inisiatif ini bermula daripada bawah dan dari atas kerana guru yang akan menentukan suatu inisiatif perubahan itu kekal berlaku. Oleh itu, sokongan pengetua sangat penting untuk menarik minat guru-gurunya terlibat sama dalam perubahan di sekolah. Bagi memastikan perkara ini berlaku guru-guru di sekolah perlu dipupuk dengan budaya belajar bersama. Bagi mencapai matlamat ini, pengetua sekolah tidak boleh menolak kepentingan pembelajaran dalam kalangan guru. Justeru, sokongan pengetua ke arah pembangunan modal insan harus secara holistik yang menjurus kepada pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran, intelektual, pembudayaan sikap progresif yang mempunyai nilai etika dan moral yang tinggi. Seperti dinyatakan responden ke-8:

“Motivasi ni merupakan salah satu faktor utama yang mempengaruhi persekitaran pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Maksud ustazah kita ada motivasi yang dapat dorongan dalaman atau luaran untuk mengajar bahasa Arab.” (1:8).

PERBINCANGAN

Hasil dapatan temu bual menunjukkan bahawa, bahan bantu mengajar memberi kesan positif terhadap pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana, bahan bantu mengajar (BBM) merupakan keperluan asas kepada setiap guru untuk menggunakannya semasa sesi pengajaran dan pembelajaran supaya menjadi lebih menarik, positif, dan bersesuaian dengan masa dan persekitaran (Hashim et al., 2018). Azhari et al. (2014) dalam kajiannya menyatakan kaedah pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran perlu disesuaikan dengan menggunakan BBM berdasarkan topik yang akan diajar.

Hasil kajian mendapati, bahan bantu mengajar menarik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab adalah buku teks. Buku teks merupakan terjemahan prinsip-prinsip asas sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran yang menjadi rujukan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah (Zakaria & Janan, 2022). Pernyataan ini menunjukkan bahawa buku teks yang digunakan sebagai bahan utama panduan dalam pengajaran dan pembelajaran yang menjadi sumber penting kepada pelajar di seluruh dunia. Pernyataan ini disokong dalam Laporan Pemantauan Pendidikan Global oleh United Nation Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) 2016, yang menyatakan bahawa buku teks digunakan sebagai bahan utama dalam pengajaran.

Justeru itu, sebagai satu usaha untuk menyelaraskan sistem pendidikan di sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan buku teks sebagai rujukan utama dalam pengajaran dan pembelajaran (Aisyah et.al., 2017). Tambahan pula, buku teks dalam pembelajaran bahasa Arab adalah satu aspek dan elemen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah kerana mengandungi fakta, maklumat dan pelbagai tajuk yang menghurai dan memperinci sukatan mata pelajaran dalam kurikulum. Peranan buku teks adalah untuk menentukan pencapaian pelajar dalam satu subjek mata pelajaran yang diajar. Malah, merupakan satu rujukan utama kepada para pelajar sekaligus membantu mereka memahami

pelajaran dan menjadikan mereka berjaya dalam peperiksaan atau ujian pada masa hadapan. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa peranan buku teks dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran bahasa Arab adalah penting untuk mencapai sesuatu objektif dalam pembelajaran serta dapat menarik minat pelajar untuk lebih mempelajari bahasa Arab dengan baik.

Selain itu, penggunaan teknologi juga antara salah satu bahan bantu mengajar menarik yang digunakan oleh guru bahasa Arab. Generasi digital natif sekarang ini adalah generasi yang dilengkapi dengan kemudahan teknologi maklumat yang serba canggih. Sebagai persiapan untuk menjadi guru kepada generasi ini, guru ini perlu menguasai teknologi maklumat dengan baik dan mengaplikasikannya dalam kelas seiring dengan arus perkembangan zaman (Abdul Ghani et al., 2022). Tambahan pula, penggunaan elemen multimedia seperti audio, animasi, teks, grafik, animasi dan grafik yang interaktif dapat merangsang minat pelajar untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran .

Kajian Ab Ghaffar dan Baharuddin, (2021) telah menyatakan pentingnya penggunaan teknologi multimedia seperti grafik di komputer dalam pembelajaran dan pengajaran kerana ia dapat membantu pelajar meneroka isi pembelajaran agar menjadi menarik di mata pelajar. Di samping itu, ia juga mampu untuk merangsang dan menarik minat pelajar, berdasarkan kepada kandungan pelajaran yang hendak di sampaikan oleh guru perlulah terdapat penggabungan antara elemen-elemen seperti grafik, animasi, video berserta perisian multimedia pendidikan. Oleh itu, penggunaan bahan bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah amat penting bagi guru memastikan penyampaian maklumat yang berkaitan dengan mata pelajaran yang diajar adalah lebih jelas dan sistematik serta dapat diikuti oleh pelajar dengan lebih baik. Secara keseluruhannya, guru-guru perlu sedar bahawa penggunaan BBM dalam pengajaran dan pembelajaran adalah penting untuk menarik minat dan meningkatkan prestasi pelajar serta mencapai objektif pengajaran guru terhadap sesuatu mata pelajaran.

Bahan bantu mengajar yang melibatkan permainan dapat menjadi pendekatan yang efektif dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk meningkatkan daya ingatan dan keterlibatan pelajar dalam kelas. Justeru itu, kaedah pengajaran bahasa perlu dipelbagaikan untuk meningkatkan minat dan mutu penguasaan bahasa Arab. Menurut Abdul Ghani et.al. (2022), mengatakan di antara kaedah pengajaran bahasa yang sangat efektif adalah pembelajaran menggunakan pendekatan permainan. Hal ini kerana, kreativiti guru dalam pengajaran dan pembelajaran adalah faktor keberhasilan pelajar dalam mencapai objektif sesuatu topik secara khususnya dan mendalami sesuatu subjek umumnya. Kreativiti ini termasuk melalui aktiviti yang dijalankan, membina bahan dan teknik penyediaan (Zakaria & Norul'Azmi, 2023). Pengajaran dan pembelajaran yang terancang dengan aktiviti menarik dapat memberikan pengetahuan dalam aktiviti permainan. Buktinya dalam kajian Zakaria dan Norul'Azmi, (2023), permainan bahasa dapat meningkatkan kefasihan seseorang pelajar menyebut kosakata atau perkataan yang belum dipelajari.

Seterusnya, sokongan persekitaran memainkan peranan yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam melahirkan pelajar yang mempunyai keseimbangan dalam akademik mahupun emosi (Sidik et.al., 2019). Dalam kajian Sidik et.al., (2018), menyatakan terdapat beberapa faktor yang berpotensi yang dapat memberikan pengaruh terhadap pengajaran dan pembelajaran antara pelajar dan guru seperti faktor persekitaran, matlamat belajar dan kemampuan kognitif. Peranan persekitaran bahasa merupakan satu perkara yang penting bagi meningkatkan keberhasilan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab serta pemerolehan bahasa kedua. Suasana yang kondusif dan selesa di sekolah adalah sangat penting kepada para pelajar dan guru dalam memastikan pembelajaran dan pengajaran berlaku dengan berkesan. Hal ini kerana pelajar menghabiskan hampir separuh daripada masa mereka di sekolah. Justeru itu, guru memainkan peranan penting untuk memahami keperluan pelajar dan

merancang pendekatan pengajaran yang bersesuaian untuk mencipta persekitaran pembelajaran yang inklusif.

Oleh hal yang demikian, guru perlu lebih kreatif dan inovatif dalam menghasilkan persekitaran yang positif supaya pelajar dapat belajar dan menguasai pengetahuan dengan lebih baik. Justeru itu, guru merupakan faktor penting untuk menjamin kelangsungan pembelajaran dan pengajaran khususnya untuk melahirkan pelajar yang berketerampilan dan berkemahiran dan bahasa. Guru dianggap elemen yang dapat mengubah landskap pendidikan bahasa Arab (Zaini et.al., 2019). Oleh yang demikian, guru perlu memainkan banyak peranan dalam pengajaran dan pembelajaran seperti menyediakan pelbagai sumber pembelajaran. Misalnya, menyediakan pelbagai jenis sumber pembelajaran, termasuk buku teks, bahan bacaan, audio, dan video. Ini membantu pelajar dengan gaya pembelajaran yang berbeza dan memastikan kepelbagaian dalam cara pengajaran.

Selain itu, infrastruktur sekolah memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan persekitaran kondusif yang menyokong proses pengajaran dan pembelajaran. Infrastruktur yang baik dapat memberikan sokongan yang diperlukan untuk mencipta suasana pembelajaran yang efektif. Kepekaan guru terhadap keadaan bilik darjah akan memberikan impak yang besar kepada guru dan pelajar itu sendiri. Menurut Amin, (2023), guru berupaya mencorakkan persekitaran bilik darjah supaya selesa dan seterusnya meningkatkan kemampuan pelajar untuk belajar. Persekitaran bilik darjah yang kondusif akan terhasil bila ada kerjasama dan interaksi berkesan antara guru dan pelajar. Tambahan pula, persekitaran bilik darjah juga mempengaruhi proses pembelajaran dan pengajaran. Reka bentuk fizikal bilik darjah, makmal, studio dan persekitaran dalaman yang lain akan memberi kesan mendalam terhadap pelajar sewaktu pengajaran dan pembelajaran guru dan pelajar. Perspektif fizikal bagi bilik darjah boleh dilihat dari segi saiz dan bentuk, ruang, cahaya dalaman, warna, keadaan terma, tahap kebisingan, perabot dan susunan tempat duduk dan kemudahan teknologi yang moden. Keadaan bilik darjah yang sesak akan menjadi penghalang kepada pencapaian matlamat proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan.

Persekitaran pembelajaran yang kondusif dapat meningkatkan penguasaan hasil pencapaian seseorang pelajar. Malah, pelajar lebih menghayati proses pengajaran dan pembelajaran apabila wujud suasana persekitaran pembelajaran yang mempunyai interaksi aktif antara guru dan pelajar secara konsisten (Amin, 2023). Oleh itu, infrastruktur terhadap persekitaran pembelajaran bilik darjah perlu memenuhi keperluan guru, pelajar dan aktiviti pembelajaran yang dijalankan.

Di samping itu, kepimpinan sekolah juga memainkan peranan untuk mewujudkan persekitaran yang baik di sekolah. Bagi merealisasikan persekitaran yang kondusif ini, sekolah amat memerlukan pimpinan seorang pengetua yang berpengetahuan, cekap dalam menjalankan tugas, berpengalaman mengajar, dan berkemahiran untuk mentadbir. Pengetua sebagai pemimpin dan pengurus pendidikan menjadi faktor utama bukan sahaja dari segi kejayaan sesebuah sekolah, bahkan dengan kepimpinan dan pengurusannya segala misi dan visinya boleh menentukan hala tuju institusi pendidikan yang diamanahkan kepadanya. Keceriaan sekolah antara satu elemen yang penting dalam mempengaruhi pengurusan dan disiplin pelajar, memiliki persekitaran yang cantik dan kondusif yang menyejahterakan suasana sekolah.

Hal ini turut disokong dalam kajian Ghani et al., (2011), tujuan utama kepimpinan adalah untuk membina komuniti pembelajaran, makna pembelajaran dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran serta fokus yang jelas dalam menyokong proses pengajaran dan pembelajaran. Kepimpinan sekolah boleh menyediakan pelbagai alternatif seperti sokongan kewangan kepada para guru untuk menambah baik program, kursus atau aktiviti berkaitan dengan bahasa Arab. Oleh itu, kepimpinan sekolah perlu memainkan peranan yang penting dalam pembangunan dan kemajuan terutama dalam aspek persekitaran bilik darjah. Dengan

komitmen yang kukuh, kepimpinan sekolah dapat membentuk persekitaran yang menyokong guru dan pelajar dalam usaha meningkatkan kecekapan bahasa Aab.

KESIMPULAN

Kajian ini meneroka bahan bantu mengajar dan persekitaran pembelajaran di Sekolah Menengah Agama di daerah Marang Terengganu. Hasil kajian menunjukkan signifikan bahan bantu mengajar (BBM) dan persekitaran pembelajaran yang kondusif bagi memastikan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan buku teks, teknologi multimedia, dan permainan sebagai bahan bantu mengajar utama, bersama dengan infrastruktur yang mencukupi dan komitmen pentadbiran sekolah, memainkan peranan penting dalam mencipta persekitaran yang menggalakkan pembelajaran bahasa Arab yang efektif. Keberhasilan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab tidak semata-mata bergantung pada ketersediaan BBM, tetapi juga pada persekitaran pembelajaran yang merangsang minat dan motivasi pelajar. Persekitaran yang positif dan menyokong dapat mempengaruhi secara langsung keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, serta meningkatkan kecenderungan pelajar untuk menguasai bahasa Arab. Pengkaji mencadangkan untuk kajian selanjutnya, disarankan agar penyelidik mengkaji lebih dalam mengenai pengaruh spesifik setiap jenis BBM terhadap pencapaian pelajar dalam bahasa Arab, serta meneroka lebih mendalam terhadap strategi baharu dalam menciptakan persekitaran pembelajaran yang lebih interaktif dan menarik. Kajian lanjutan juga boleh memfokuskan pada pembangunan dan penggunaan teknologi pembelajaran yang inovatif untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran bahasa Arab.

Penghargaan

Para penulis merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua yang menyumbang untuk kajian ini secara langsung dan tidak langsung.

Konflik Kepentingan

Tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

- Ab Ghaffar, N. T., & Baharuddin, H. (2021). Pengaruh ICT(BBM) dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab pelajar. In *Proceedings of the International Conference on Business Studies and Education*. ICBE Publication. e-ISBN: 978-967-18414.
- Abdul Ghani, M. T., Hamzah, M., Wan Ab Aziz Wan Daud, & Muhamad Romli, T. R. (2022). The Impact of Mobile Digital Game In Learning Arabic Language At Tertiary Level. *Contemporary Educational Technology*, 14(1), ep344. <https://doi.org/10.30935/cedtech/11480>
- Aisyah Sjahrony, Maimun Aqsha Lubis & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2017). Kepentingan Kebolehbacaan Buku Teks Dalam Dunia Pendidikan. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(1), 25-40.
- Aldridge, J.M., Fraser, B.J. & Huang, T.C.I. 1999. Investigating classroom Environments In Taiwan And Australia With multiple Research Methods. *Journal of Educational Research*, 93(1).48-62.

- Amin, A. B. (2023). Hubungan Persekitaran Pembelajaran dan Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Enam. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 11, 23-35. <https://doi.org/10.51200/jpp.v11i1.4278>
- Azlin, A. A., & Suhaimi, M. Taat. (2020). Penguasaan Bahasa Arab: Hubungannya Dengan Sikap Murid Dan Pengajaran Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(3), 13-23.
- Dunkin M. J. & Biddle B. J. 1974. *The Study of Teaching*. NewYork: Holt, Rinehart and Winston.
- Ghani, M. F. A., Siraj, S., Abdullah, Z., Radzi, N. M., Kenayathulla, H. B., Salehudin, M. H. F., Marzuki, S. C., & Elham, F. (2011). Pemimpin Dan Komuniti Pembelajaran Profesional. *Jurnal Pendidikan*, 31, 203-224.
- Hashim, F., Abdul Hamid, B., A. Bakar, K., & Othman, Z. (2018). Gambaran gender dalam buku teks bahasa Inggeris Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 14(4), 174-187. doi:<https://doi.org/10.17576/geo-2018-1404-14>
- Hashim, F., Abdul Hamid, B., A. Bakar, K., & Othman, Z. (2018). Gambaran Gender Dalam Buku Teks Bahasa Inggeris Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 14(4), 174-187. doi:<https://doi.org/10.17576/geo-2018-1404-14>
- Ismail, R. A., & Ismail, D. (2018). Aplikasi 'Konsep 4c' Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Pelatih Pengajian Agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail. *Asian People Journal (APJ)*, 1(1), 45-64.
- Kamarulzaman, A.G., Ahmed Thalal, H.H., Ahmad, A.R., MohdAderi, C.N., Muhd Zahiri, A.M., Zawawi, I., Azmil, H., Saifuddin, H., Rohaidi, H. & Siti Apipah Munirah, S. 2018. Persekitaran bahasa Arab dalam pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini di SABK. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 2289–8042, (Special Issue): 644-656.
- Mohammad Taufiq, A. G. & Wan Ab Aziz, W. D. (2018). Bahasa Arab Untuk Pendidikan Awal Kanak-Kanak: Satu Kajian Analisis Keperluan: Arabic For Early Childhood Education: A Need Analysis Study. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 7, 70–82.
- Nazilah, M., Yusoff, S. Z., Abdullah, N. H., & Syed Azmy, S. N. M. (2017, October). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab: Tinjauan Awal Peringkat Sekolah Rendah Terengganu*. Paper presented at the Seminar Bahasa dan Kesusasteraan Arab 2017.
- Nur Syafiqah, I., & Nurul Nazirah, M. I. M. (2018). Keberkesanan Penggunaan Grafik Berkomputer Sebagai Alat Bahan Bantu Mengajar Dalam Kalangan Pelajar Reka Bentuk Dan Teknologi. *Jurnal Sains Humanika*, 10(3-3), 81-87.
- Rosni, S., Aishah, I., Khairul Asyraf Mohd, M. N., Mohamad Yazid, A. M., Mohd Adi Amzar, M. N. & Hishomudin, A. (2023). Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab dalam Bidang Sastera dalam Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(4): 64-77.
- Sidik, I. F., Awang, M. M., & Ahmad, A. R. (2018). Sokongan Persekitaran Sosial Di Pelbagai Jenis Sekolah Menengah Dalam Meningkatkan Kemahiran Insaniah Pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 1(1), 67-76.
- Sidik, I. F., Awang, M. M., & Ahmad, A., R. (2019). Teacher's Support And Student Involvement In Learning Activities on Enhancing Student Academic Achievement. *The Journal of Social Sciences Research*, 5(7), 1167-1175.
- Tamam Hasan. 1984. *al-Tamhid fi Ikhtisas al-Lughah al-'Arabiyyah li Ghayr Natiqin biha*. Makkah: Wizarat al-Ta'lim al-'Ali al-Jami'at al-Umm al-Qura.
- Zaini, A. R., Zakaria, N., Hamdan, H., Ghazali, M. R., & Ismail, M. R. (2019). Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan dan Cabaran [Teaching of Arabic in Malaysia: Problems and Challenges]. *Jurnal Pengajian Islam*, 12(1), 47-57.

- Zakaria, M. M., & Janan, D. Ilustrasi Dalam Kalangan Guru Dan Murid: Pendekatan Kualitatif Dan Kuantitatif. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers and Teacher Education*, 12(1), 80–98.
- Zakaria, N. S., & Norul'Azmi, N. A. (2023). Analisis Kreativiti Guru Pelatih Terhadap Perancangan Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Mendepani Era 4.0. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 24(1), 28-42. <https://doi.org/10.17576/malim-2023-2401-03>